

TARIKH	2 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	13	RUANGAN	setempat

Gembira bawa ibu bapa

KELANA JAYA: "Alhamdulillah, berkat usaha, akhirnya saya dapat membawa ibu dan bapa ke Tanah Suci menunaikan haji.

"Inilah saat yang paling menggembirakan dalam hidup saya kerana dapat beribadat bersama insan tersayang," kata pesara swasta, Normah Mohammed, 56.

Dia yang berhasrat membawa kedua-dua orang tuanya ke Tanah Suci sejak sebelum bersara berlepas ke Makkah ditemani ibu, Chi Yah Pilas, 77, serta bapanya, Mohammed Bador, 83, selepas mendapat surat tawaran Tabung Haji, baru-baru ini.

Katanya, perasaan gembira itu dikongsi bersama dua lagi saudaranya yang me-



GEMBIRA...Normah (tengah) bersama bapa dan ibunya, Mohammed dan Chi Yah.

reka mengerjakan haji sebelum ini, namun tidak membawa warga emas itu bersama.

"Syukur kerana dalam keadaan yang masih sihat, kami anak beranak dapat beriba-

dat di sana," katanya.

Chi Yah berkata, sebagai ibu, dia gembira kerana dapat bersama-sama anak dan suami ke Tanah Suci biarpun sebelum ini pernah mengerjakan umrah.